

30 APR 2002
Mahathir-Jepun
ORANG JEPUN BERNAMA MAHATHIR

LANGKAWI, 30 April (Bernama) -- Seorang Jepun bernama Mahathir adalah antara mereka yang dijangka akan berkumpul melalui program "Mencari 100 Mahathir" anjuran sebuah syarikat di sini tidak lama lagi.

Orang Jepun bernama Mahathir dari Kuala Lumpur itu adalah antara 39 orang yang mempunyai nama serupa dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang telah mendaftar bagi menyertai program berkenaan setakat ini.

Pengarah Urusan Intan Desa (L) Sdn Bhd, Aziz Desa hari ini berkata wanita Jepun yang menamakan anaknya Mahathir itu telah menelefonnya semalam.

"Wanita itu sempat memberikan alasannya memberi nama Mahathir kepada anaknya, kerana kagum dengan daya kepimpinan Dr Mahathir," katanya.

Aziz berkata tarikh tutup penyertaan program itu telah dilanjutkan sehingga 30 Jun depan.

Mereka yang bernama Mahathir diminta menghantar gambar berukuran poskad, salinan kad pengenalan dan alasan kenapa memilih nama berkenaan kepada Program Mencari 100 Mahathir, Intan Desa (Langkawi) Sdn Bhd, No.54, Kampung Bayas, Mukim Ulu Melaka, 07000 Langkawi, Kedah.

Aziz berkata seorang lagi peserta bukan Melayu yang mendaftar setakat ini ialah satu keluarga India yang menamakan anaknya Mahathir.

Aziz berkata program itu bertujuan menghargai sumbangan Dr Mahathir kepada negara sehingga daya kepimpinannya dikagumi di seluruh dunia.

"Dalam hal ini, mereka yang bernama Mahathir mungkin ada alasan tersendiri dan untuk itu kita mahu mencungkil rahsia di sebalik nama mereka selain memberi kesempatan kepada mereka untuk lebih menghargai nama masing-masing," katanya.

Syarikat itu sebelum ini telah mengumpul 31 orang bernama Mahsuri iaitu nama gadis dalam cerita legenda Langkawi dan usaha itu dicatatkan dalam Malaysia Book of Records.

-- BERNAMA
NH MOZ

